

05/11/2001

KLB manfaat kepakaran IT DataOne

KONSORTIUM Logistik Berhad (KLB) melabur lebih RM10 juta bagi membolehkannya menggunakan sumber kepakaran daripada DataOne Asia (DataOne) dalam mempertingkatkan prasarana sistem rangkaian dan perkakasan teknologi maklumat (IT) di kesemua cawangan dan kemudahan gudangnya di seluruh negara.

Presiden dan Pengerusi Eksekutifnya, Mirzan Mahathir, berkata pelaburan itu membabitkan tempoh selama lima tahun dan dijangka memberi manfaat tinggi kepada KLB khususnya dalam penjimatan kos.

Katanya, KLB tidak perlu lagi membuat pelaburan tambahan besar dalam prasarana ITnya pada masa depan kerana prasarana IT DataOne mampu menyediakan kemudahan profesional IT yang membolehkan syarikat menumpukan kepada perniagaan asasnya.

"Prasarana IT DataOne tersedia dengan teknologi terkini dan ini membolehkan KLB meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggannya selain menyediakan rumusan inventori termaju kepada pelanggan baru dan sedia ada," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perjanjian persefahaman (MoU) antara KLB dan DataOne di Petaling Jaya, minggu lalu.

MoU itu ditandatangani oleh Mirzan yang mewakili KLB manakala DataOne oleh Ketua Pegawai Eksekutif DataOne Asia, Michael Warren. Ia disaksikan oleh Naib Presiden Eksekutif KLB, Loo Hooi Keat dan Pengarah Urusan DataOne Malaysia, Fauzi Jamaudin.

Ditanya sama ada KLB akan mengurangkan tenaga dalaman kumpulan ITnya apabila memanfaatkan kepakaran DataOne, Mirzan menegaskan kepakaran mereka akan dikekalkan.

"Dengan berbekalkan kepakaran bersama DataOne, kumpulan IT KLB berupaya menghasilkan rumusan lebih strategik di samping meningkatkan kepakaran mereka," katanya.

Selain itu, katanya, ia juga membolehkan kumpulan IT KLB itu menumpukan kepada usaha penghasilan aplikasi bertaraf dunia kepada pelanggannya.

(END)